

Pilih jawapan berimbuhan yang betul.

### **Laporan Aktiviti Gotong-Royong SJKC Serdang Baru 2**

Unit beruniform SJKC Serdang Baru 2 telah (1) ( mengadakan / diadakan ) gotong-royong di sekolah. Antara unit beruniform yang (2) ( melibatkan / terlibat ) ialah Persatuan Pengakap, Persatuan Bulan Sabit Merah dan Kadet Remaja.

Semua murid (3) ( membahagikan / dibahagikan ) kepada empat kumpulan. Kumpulan pertama diketuai oleh Cikgu Hoh. Mereka (4) ( menugaskan / ditugaskan ) membersihkan habuk, mengelap tingkap dan membuang sampah. Kumpulan kedua diketuai oleh Cikgu Wong. Mereka ditugaskan untuk (5) ( membaiki / dibaiki ) perabot-perabot sekolah yang telah rosak.

Tugas kumpulan ketiga pula ialah membersihkan longkang-longkang yang (6) ( disumbat / tersumbat ) dan dipenuhi sampah sarap. Kumpulan ini diketuai oleh Cikgu Rahman. Kumpulan (7) ( berakhir / terakhir ) iaitu kumpulan keempat diketuai oleh Cikgu Shanti ditugaskan untuk membuat mural di dinding untuk (8) ( mencantik / mencantikkan ) lagi sekolah.

Semua murid dan guru memberi kerjasama dalam (9) ( diselesaikan / menyelesaikan ) tugas masing-masing. Aktiviti gotong-royong tamat pada pukul 12.00 tengah hari. Guru Besar (10) ( mengucapkan / berucap ) terima kasih kepada murid-murid yang terlibat.

Disediakan oleh,

5 JANUARI 2021.

**Bao Qi**

(CHAI BAO QI)

Setiausaha,

Aktiviti Gotong-Royong SJKC Serdang Baru 2.

Disediakan oleh [hlp.edupassion@gmail.com](mailto:hlp.edupassion@gmail.com)